



Penyeludup mengubah suai kereta untuk diisi minyak lebih daripada kebiasaan untuk diseludup ke negara jiran.

## PGA galkan cubaan seludup petrol

**RANTAU PANJANG** - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 Kuala Terengganu merampas 169.96 liter minyak petrol yang cuba diseludup ke negara jiran di sebuah stesen minyak di sini pagi kelmarin. Dalam serbuan pada jam 6.40 pagi itu anggota PGA Batalion 9 turut merampas tiga buah kereta jenis Proton Wira yang digunakan untuk menyeludup bahan api itu ke negara jiran.

Bagaimanapun, ketiga-tiga pemandu kereta itu yang sedang mengisi bahan api tersebut telah bertindak melarikan diri sejerus menyedari kehadiran anggota PGA.

Pegawai Pemerintah, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata,

kesemua nilai rampasan termasuk kereta dan bahan api itu dianggarkan berjumlah RM30,353.20.

“Kejayaan ini adalah hasil intipati yang telah dijalankan oleh pihak kami di kawasan berkenaan,” katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut ke atas kereta itu membawa kepada penemuan tangki minyak yang telah diubah suai.

Katanya, kesemua barang kes telah dirampas dan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan selanjutnya.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1961,”

katanya.

Dalam perkembangan lain, Nor Azizan berkata, pihaknya juga merampas sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Wish selepas menahan seorang lelaki di sebuah bengkel kenderaan di Kampung Banggol Kulim.

Beliau berkata, sejerus menyedari kehadiran anggota PGA suspek yang bertindak melarikan diri bagaimanapun berjaya ditangkap.

“Pemeriksaan ke atas kenderaan itu mendapati ia telah dilaporkan hilang di Chukai, Kemaman, Terengganu,” katanya.

Katanya, MPV itu diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.